



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
CAWANGAN TAWAU
TINGKAT 4, WISMA PERSEKUTUAN
91000 TAWAU, SABAH.

Tel : 089-775 620, 775 621, 762 750
Faks : 089-773 688
Web : <https://tawau.anm.gov.my>



Ruj. Kami : JANM.TAW.700-1 (43)
Tarikh : 3 Januari 2023

**Ketua Jabatan
Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Tawau, Kunak, Semporna dan Lahad Datu**

Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI PANJAR WANG RUNCIT (PWR) BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat rujukan JANM.BPOPA.600-2/2/3 Jld.3 (1) bertarikh 21 September 2022 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Sijil Pengesahan Baki Panjar Wang Runcit (PWR) bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 hendaklah disediakan oleh semua Pemegang Panjar. Semua Pemegang Panjar Wang Runcit di bawah seliaan JANM Cawangan Tawau hendaklah mengambil perhatian ke atas perkara seperti berikut:

- (a) Menjana Laporan Sijil Pengesahan Baki Panjar Wang Runcit berakhir 31 Disember 2022 melalui portal iGFMS. **(Modul : Panjar – Laporan – Sijil Perakuan Panjar).**
- (b) Memastikan Sijil Pengesahan Baki Panjar Wang Runcit yang dijana telah lengkap ditandatangani oleh Penyedia dan Ketua Jabatan berserta cop Jabatan.
- (c) Sijil Pengesahan Baki Panjar Wang Runcit hendaklah dikemukakan kepada JANM Cawangan Tawau dalam keadaan lengkap dan sempurna selewat-lewatnya pada **10 Januari 2023 (RABU)**. PTJ hendaklah menghantar **4 set lampiran ASAL** berserta surat iringan.

Ruj. Kami : JANM.TAW.700-1 (43)
Tarikh : 3 Januari 2023

3. Sebarang pertanyaan berkaitan penyediaan Sijil Pengesahan Baki Panjar Wang Runcit boleh berhubung terus dengan Unit Akaun di talian 089 – 775620. Perhatian dan kerjasama tuan/puan untuk mematuhi panduan yang ditetapkan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

Saya yang menjalankan amanah,

(NIZAM BIN LIMUN C.A.(M), ACMA, CGMA)

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Tawau

s.k. Unit Akaun – AM